

9 peluru tembusi tubuh dua penjenayah

Harian Metro 13/10/2010

Tersungkur tepi tangki

M/S 5

>>Oleh Abdullah Wahab
abwahab@hmetro.com.my

SHAH ALAM: Percubaan dua penjenayah melakukan pecah rumah di Perdana Heights di sini, berakhir dengan tragedi apabila mereka mati ditembak polis berhampiran tangki air, Puncak Perdana, Seksyen U10 di sini, semalam.

Dalam kejadian itu, penjenayah yang juga warga asing dikenali Don, 30, dan Ferdi, 20, mati di tempat kejadian selepas terkena sembilan das tembakan ketika kedua-dua suspek menyerang polis menggunakan parang.

Kedua-dua suspek adalah serpihan 'Geng Roy' yang ditumpaskan polis tahun lalu, manakala Don adalah adik Roy yang ditembak mati dalam kejadian di di Jalan Merak Kesuma, Seksyen U9, Kayangan Heights di sini, pada 21 Ogos lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar, berkata sebelum kejadian jam 2.45 pagi semalam, kedua-dua suspek sempat memotong pagar sebelum disedari orang awam dan memaklumkan kepada polis.

Menurutnya, pasukan bertindak polis diketuai Asisten Superintendan Fauzi bergegas ke tempat kejadian sebelum mengesan sebuah motosikal dipercayai milik suspek ditinggalkan di kawasan berbukit, berhampiran tangki air jam 3.30 pagi.

Katanya, polis memantau motosikal terbabit sebelum kedua-dua suspek muncul.

"Anggota polis memperkenalkan diri dan mengarahkan kedua-dua suspek berhenti, bagaimanapun, mereka cuba menyerang polis menggunakan senjata sebelum beberapa das tembakan dilepaskan," katanya ketika ditemui di tempat kejadian di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Noor Azam Jama-luddin.

Sepasukan polis dari Unit Forensik turut dikejarkan ke lokasi kejadian bagi mengumpul bukti kejadian.

Turut ditemui dua bilah parang, topeng muka, peralatan untuk pecah rumah dan wang tunai.

Khalid berkata, suspek



USUNG...mayat penjenayah dibawa masuk ke dalam van polis untuk dihantar ke HTAR.



BUKTI...anggota polis mengumpul senjata yang digunakan penjenayah.

mempunyai 17 rekod jenayah membabitkan kes pecah rumah dan samun di sekitar Shah Alam, Petaling Jaya dan Subang Jaya.

"Suspek juga ganas kerana ada beberapa kes mereka turut mencederakan mangsa," katanya.

Motosikal Honda EX5 yang digunakan suspek adalah motosikal curi. Mayat kedua-dua lelaki terbabit dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang untuk bedah siasat.

Sementara itu, tinjauan Harian Metro di lokasi kejadian mendapati tempat kejadian itu terletak kira-kira tiga kilometer daripada tempat dua penjenayah ditembak mati pada 21 Ogos lalu.

Tangki air itu terletak di atas bukit sekali gus memudahkan penjenayah bersembunyi.

Akhtar sebelum ini melaporkannya kepada pihak berkuasa sebagai aktif dalam kegiatan samun rumah mewah di sekitar bandar raya ini akhirnya tersungkur apabila dua anggotanya ditembak mati berhampiran kawasan hutan di Jalan Merak Kesuma, Seksyen U9, Kayangan Heights di sini.

kedua-dua penjenayah warga Indonesia dikenali sebagai Roy dan Andre ditembak mati sepasukan polis Unit Tindakan Cepat, kira-kira 50 meter dari tempat persembunyian mereka dalam hutan itu.

Sebelum kejadian, kedua-dua penjenayah berkenaan dipercayai terbabit pecah rumah dan samun sebuah rumah mewah di Bukit Kemuning, dekat sini, kelmarin menyebabkan kematian pemilik rumah berkenaan, seorang warga emas berusia 70 tahun.